



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
PUAN HAJAH NATIPAH@NOR TIPAH BINTI ABDUL KADIR  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI ADIGURU TENUN  
PAHANG DIRAJA**

**NURUL AMIRAH FARHANAH BINTI AZHARI**

**2018200874**

**NURUL SYAHIRAH BINTI SHAMSUDIN**

**2018263686**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021**

## ISI KANDUNGAN

BIL.	KANDUNGAN	HALAMAN
-	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rajukan Kata	i ii iii iv v
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penembual Kedua	2 3
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada tokoh	5 5
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	8 8 9
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1: Sejarah Lisan 4.2 Topik 2 : Tenun Pahang Diraja	12 14
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	17
6.0	Log Temubual	64
7.0	Ralat	82
8.0	Glosari	84
9.0	Indeks	87
10.0	Bibliografi	93
11.0	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan	97 98 99 104

## **ABSTRAK**

*Transkrip ini membincangkan pengalaman seorang tokoh yang merupakan waris asal kepada Keraing Aji atau lebih dikenali sebagai Tok Tuan, pembesar yang membawa masuk dan mengasaskan seni warisan tenun Pahang Diraja iaitu Puan Natipah@Nor Tipah Binti Abdul Kadir Adiguru Kraft Tenun Pahang Diraja. Seni warisan ini sudah bertapak di Malaysia sejak abad ke-16 dan masih kekal sehingga ke hari ini. Objektif kajian sejarah lisan ini adalah untuk mengetahui sejarah awal kewujudan kain tenun Pahang Diraja, untuk meneroka kejayaan dan sumbangan awal tokoh dalam bidang tenun Pahang Diraja dan untuk merekodkan tentang sejarah dan pengalaman tokoh sebagai Adiguru Kraft Tenun Pahang Diraja. Penyelidik telah melakukan satu sesi temubual secara atas talian atas kekangan pandemik (COVID-19) menggunakan platform 'Zoom'. Kajian ini turut menggunakan pelbagai sumber seperti petikan daripada surat khabar dan artikel jurnal bagi melihat sejauh mana perkembangan dan perubahan yang telah berlaku kepada bidang tenun Pahang Diraja. Daripada transkrip ini penyelidik mendapati bidang tenun Pahang Diraja telah berkembang dengan pesat. Melalui kajian sejarah lisan ini, diharap agar bidang tenun ini terus berkembang maju sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.*

## **KATA KUNCI**

Tenun Pahang Diraja, Adiguru, Kraftangan, Seni, Warisan.

## **ABSTRACT**

*This transcript discusses the experience of a personage who is the original heir to Keraing Aji or better known as Tok Tuan, the official who brought in and founded the art of Royal Pahang weaving heritage, namely Puan Natipah @ Nor Tipah Binti Abdul Kadir Adiguru of Pahang Royal Weaving Craft. This heritage has been established in Malaysia since the 16th century and remains to this day. The objective of this oral history study is to understand the early history of the existence of the Royal Pahang Weaving cloth, to explore the success and early contributions of the personage in the field of Royal Pahang Weaving and to record the history and experience of the personage as Adiguru Kraft Weaving Pahang Royal. Researchers conducted an online interview session as they faced pandemic constraints (COVID-19) by using the 'Zoom' platform. This study also uses various sources such as excerpts from newspapers and journal articles to see the extent of developments and changes that have taken place in the field of Royal Pahang Weaving. From this transcript, the researchers found that the field of Royal Pahang weaving has grown rapidly. Through this study of oral history, it is hoped that this field of weaving will continue to thrive to a higher level.*

### **Keywords**

Pahang Diraja weave, Adiguru, Handcraft, Art, Heritage.

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan syukur ke hadrat ilahi kerana dapat menyiapkan pendokumentasian Sejarah Lisan Tenun Pahang Diraja dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak UiTM kerana telah menyediakan tugasan yang menarik sekaligus memberikan banyak manfaat kepada kami dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian ini.

Kami turut mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi tinggi penghargaan kepada pensyarah subjek Sejarah Lisan IMR604 kami, Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana tidak jemu memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang menyeluruh untuk menyiapkan tugasan ini, Tanpa teguran dan dorongan daripada beliau, tidak akan mampu kami untuk menyelesaikan tugasan ini mengikut masa dan kriteria yang ditetapkan.

Selain itu, kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Nor Tipah Binti Abdul Kadir selaku tokoh Adiguru Kraf Tangan Tenun Pahang Diraja di atas kesudian beliau diwawancara dan berkongsi pengalaman sepanjang penglibatan beliau dalam bidang tenun ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Hafzan Binti Abd Kadir atas usaha beliau dalam membantu kami untuk mendapatkan maklumat tentang Puan Nor Tipah dan membantu menyediakan alatan untuk membantu beliau diwawancara secara atas talian.

Tidak dilupakan juga kepada kedua-dua ibu bapa kami yang tidak pernah berhenti memberi sokongan dan mendoakan kami untuk dilapangkan dada untuk menuntut ilmu sekali gus mencari buah idea untuk menyiapkan tugasan ini.

Kepada rakan-rakan daripada JIM2465A, ribuan terima kasih diucapkan kepada mereka kerana sering memberi semangat dan nasihat apabila kami memerlukannya.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung mahupun sebaliknya bagi menyiapkan tugasan ini. Walaupun berada di dalam keadaan pandemik yang telah melanda negara kita sejak awal tahun 2020, kami bersyukur kerana dapat diberikan peluang untuk terus mengikuti pelajaran walaupun daripada jarak jauh.Kami berharap agar semua kekal selamat dan sihat ,bersama-sama kita putuskan rantaian jangkitan COVID-19.

**SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
DARA	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara
JKR	Jabatan Kerja Raya
KEMAS	Kemajuan Masyarakat
PhD	Doctor of Philosophy
PKNP	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UNESCO	The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization